

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/381093449>

PRK Post PRN 2023: Green Wave Status Quo in Kemaman

Article in *Jurnal Dunia Pengurusan* · June 2024

DOI: 10.55057/jdpg.2024.6.2.6

CITATIONS

0

READS

87

5 authors, including:



Rashidin Bin Idris

Sultan Idris Education University

34 PUBLICATIONS 151 CITATIONS

SEE PROFILE



Hamdan Salleh

University of Selangor

31 PUBLICATIONS 8 CITATIONS

SEE PROFILE



Raja Shamir Izwan

University of Selangor

1 PUBLICATION 0 CITATIONS

SEE PROFILE



Ng Ming Yip

University of Selangor

22 PUBLICATIONS 12 CITATIONS

SEE PROFILE

PRK Pasca PRN 2023: Status Quo Gelombang Hijau Di Kemaman (PRK Post PRN 2023: Green Wave Status Quo In Kemaman)

Rashidin Idris^{1,2*}, Hamdan Mohd. Salleh², Ng Ming Yip², Moktar Dahari Dawe³,
Nor Aida Sapuan⁴, Rus Shafrena Shafie⁴, Raja Shamir Izwan Raja Sharuddin⁵,
Khairul Ariffin Mohd Munir⁶, Siti Nur Azilah Saipul⁷

¹ Felo Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi (IESAD), Universiti Selangor, Malaysia

² Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia

³ Sarjana Sains Politik, Fakulti Pendidikan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia

⁴ Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia

⁵ Jabatan Seni Visual, Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran, Malaysia

⁶ Institut Darul Ehsan (IDE), Selangor, Malaysia

⁷ Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti, Universiti Selangor, Malaysia

* Pengarang Koresponden: crashidin7@unisel.edu.my

Received: 30 March 2024 | Accepted: 17 May 2024 | Published: 1 June 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2024.6.2.6>

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Kemaman dengan memberi tumpuan kepada kehadiran pengundi, peratusan undian, dan perbandingan keputusan dengan pilihan raya sebelumnya. Fokus utama golongan masyarakat yang cakna politik semasa dan pakar politik ialah keputusan PRK, yang memberikan gambaran terkini tentang keadaan geo-politik tempatan. Kajian survei ini dilaksanakan lima hari daripada tarikh 15 November 2023 sehingga 19 November 2023. Terdapat 1,600 orang responden daripada 4 DUN dan 48 pusat daerah mengundi. Metodologi kajian adalah termasuk analisis survei oleh Institut Darul Ehsan (IDE) untuk mengukur kecenderungan pengundi sebelum PRK. PN/PAS mendapat 45.84% daripada undian, manakala BN/UMNO mendapat 19.59%. Keputusan PN dan PAS meningkat berbanding pilihan raya sebelumnya, manakala sokongan BN dan UMNO berkurangan. Kajian ini juga dilakukan secara bersemuka dan melibatkan 30 orang enumerator dan 6 orang penyelia. Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pengundi, dengan jumlah pengundi rasmi 141,790 dan kehadiran pengundi 65.76%. Ini termasuk melihat perbandingan dengan PRU 15 dan PRN 15 dan kesan terhadap politik tempatan. Kajian turut melihat perbezaan undian dalam PRK 2023 dan PRN 15 berbanding PRU 15 dengan menggunakan data rasmi daripada SPR. Kesimpulannya, dengan melihat data survei pendahuluan, kehadiran pengundi, dan perbandingan undian, kajian ini meningkatkan pemahaman kita tentang keputusan PRK Kemaman. Keputusan ini boleh memberi kesan besar kepada politik tempatan dan taktik parti politik.

Kata Kunci: Status quo, gelombang hijau, PAS, UMNO, Pilihan raya kecil

Abstract: The purpose of this study is to examine the results of the By-Election (PRK) in Kemaman by focusing on voter attendance, percentage of votes, and comparison of results with previous elections. The main focus of the community who are aware of current politics and political experts is the by-election results, which provide an up-to-date picture of the local geo-political situation. This survey was carried out over five days from November 15, 2023 until

November 19, 2023. There were 1,600 respondents from 4 state assemblies and 48 voting district centers. The research methodology includes survey analysis by the Darul Ehsan Institute (IDE) to measure voter tendencies before the by-election. PN/PAS got 45.84% of the votes, while BN/UMNO got 19.59%. PN and PAS results increased compared to the previous election, while BN and UMNO support decreased. This study was also done face-to-face and involved 30 enumerators and 6 supervisors. This study focuses on the factors that influence the voter's decision, with a total of 141,790 official voters and a voter turnout of 65.76%. This includes looking at the comparison with GE 15 and PRN 15 and the impact on local politics. The study also looked at the difference in votes in the 2023 PRK and PRN 15 compared to the GE 15 by using official data from the EC. In conclusion, by looking at preliminary survey data, voter turnout, and vote comparison, this study improves our understanding of the Kemaman by-election results. This decision could have a major impact on local politics and political party tactics.

Keywords: Status quo, green wave, PAS, UMNO, by-elections

1. Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) di Kemaman telah menjadi fokus utama perhatian masyarakat dan pakar politik, dalam masa yang sama memberikan gambaran terkini tentang dinamika politik tempatan khususnya di Malaysia. Pilihan raya menjadi medium dan saluran utama bagi rakyat memberi keabsahan kepada kelompok individu atau parti bagi memerintah negara berdasarkan bentuk pemerintahan yang dipersetujui (Mahadi, 2016). Menurut Ibrahim dan Daud (2022) menerusi pilihan raya rakyat boleh menggunakan hak dan peluang bagi memberikan mandat kepada calon atau parti politik melalui proses demokrasi. Dalam masa yang sama, dinamika politik di Malaysia turut diwarnai dengan perubahan landskap politik yang berlaku secara dalaman dan luaran (Tajari et al., 2022).

Kajian ini bertujuan untuk mengupas keputusan PRK P40 Kemaman, dengan mengambil kira tumpuan khusus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi, perbandingan dengan pilihan raya sebelumnya, dan implikasinya terhadap politik tempatan. Dengan perincian peratusan undian, kehadiran pengundi sebanyak 65.76%, dan jumlah pengundi rasmi mencecah 141,790, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara PRK 2023, Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15), dan Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN 15).

Dengan menggunakan data rasmi daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan analisis survei oleh Institut Darul Ehsan (IDE), kajian ini menyoroti peningkatan sokongan kepada PN/PAS yang mencapai 45.84%, sementara BN/UMNO mengalami penurunan dengan hanya mendapat 19.59% daripada undian. Ketidakhadiran pengundi yang mencatat perbezaan sebanyak 16% turut menjadi sorotan, mencetuskan pertanyaan tentang perubahan sikap pengundi dan keberkesanan strategi politik parti-parti terlibat. Dengan mempertimbangkan isu semasa dan taktik politik yang mungkin memberi impak kepada keputusan, kajian ini membuka ruang untuk memahami lebih mendalam tentang perubahan politik tempatan dan strategi yang perlu diambil oleh parti politik dalam menghadapi dinamika masyarakat. Mahadi et al. (2016) menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sikap pengundi antaranya faktor etnik, calon, parti, isu propaganda, media (maklumat politik), penglibatan dalam politik, dan pengaruh identifikasi parti.

Keputusan PRK Kemaman bukan sahaja merakamkan ketidakstabilan sokongan politik, tetapi juga memberi petunjuk yang penting bagi pemimpin dan aktivis politik dalam membentuk strategi masa depan. Dalam kajian ini juga turut mengambil kira bahawa faktor komposisi etnik melayu sebagai majoriti di P40 Kemaman. Kajian ini turut disokong oleh Mohd Yusof dan Azlan (2002) yang mendapati bahawa faktor perkauman masih lagi kekal relevan dalam landskap pilihan raya di Malaysia. Ahmad (2009) mentakrifkan penglibatan politik orang melayu dengan melihat pengetahuan mengenai politik, minat dalam politik dan menyertai parti politik. Dalam masa yang sama, penglibatan media baharu sebagai bahan kempen politik juga turut menjadi elemen utama dalam menyebarkan propaganda politik. Media baharu masa kini telah menawarkan kepelbagaian jenis maklumat untuk di akses seperti blog, forum, chat, rangkaian sosial serta aplikasi (Kubiszewski et al., 2011).

Dalam teori Identifikasi parti yang diperkenalkan oleh Campbell et al. (1960) yang merujuk kepada kepada pola pengundian berdasarkan kepada keterikatan dan kesetiaan terhadap sesuatu parti. Namun, menurut Florina (1981) mendapati ikatan pengundi terhadap sesuatu parti adalah bersifat tidak mutlak dan boleh berubah berdasarkan beberapa faktor termasuk calon dan isu-isu semasa. Ball (1988) menyatakan pelbagai usaha dan pendekatan bagi memahami tingkah laku pengundi antaranya model identifikasi parti, pendekatan pilihan yang rasional dan sosiologikal.

2. Kajian Literatur

Kemaman, sebagai lokus utama Pilihan Raya Kecil (PRK), memegang peranan penting dalam menggambarkan keadaan politik tempatan. Untuk memahami dinamika keputusan PRK di wilayah ini, kajian literatur ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi, membandingkan hasil dengan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15) dan Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN 15), serta menilai impaknya terhadap politik tempatan.

2.1 Faktor-Faktor Pengundi

Kajian literatur sebelumnya menyoroti beberapa faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan keputusan pengundi. Keadaan ekonomi tempatan, isu-isu sosial, dan keberkesanan taktik politik parti-parti berkepentingan menjadi faktor utama yang perlu dielakkan. Analisis mendalam terhadap kajian-kajian ini dapat memberikan pandangan yang kaya tentang bagaimana faktor-faktor ini berinteraksi dan mempengaruhi pilihan pengundi (Campbell, 1960; Mahadi et al., 2016). Menurut Ibrahim dan Daud (2022) terdapat aspek-aspek yang mempengaruhi pengundi seperti faktor kaum, kesetiaan kepada parti, isu-isu yang berbangkit, sentimen calon atau parti, ekonomi, aspek pembangunan, kekeluargaan dan aspek lain yang berkaitan.

2.2 Perbandingan dengan PRU 15 dan PRN 15

Penting untuk merangkumi perbandingan hasil PRK Kemaman dengan PRU 15 dan PRN 15 guna mengenal pasti corak perubahan dalam sokongan pengundi. Kajian literatur ini menggali literatur yang menyelidiki perbezaan undian, pengaruh perubahan isu semasa, dan strategi taktikal parti politik dalam konteks pilihan raya umum dan negeri sebelumnya. Maka, sebelum PRK P40 Kemaman berlangsung, BN/UMNO bertanding atas kapasiti parti yang tidak mempunyai koalisi dengan Pakatan Harapan (PH) pada PRU 15. Namun, setelah terbentuknya kerajaan perpaduan, maka naratif politik baharu dengan kerjasama politik dengan PH dapat dilihat signifikannya melalui PRK P40 Kemaman sama ada ke arah yang lebih positif dari segi sokongan daripada pengundi atau sebaliknya.

2.3 Impak Terhadap Politik Tempatan

Analisis terperinci terhadap impak keputusan PRK Kemaman terhadap politik tempatan adalah aspek penting kajian ini. Kajian literatur ini akan meneliti bagaimana perubahan sokongan kepada parti-parti politik tertentu membentuk landskap politik setempat dan menilai potensi dampak jangka panjangnya (Florina, 1981; Ball, 1988). Memandangkan P40 Kemaman mempunyai calon-calon yang bertanding dalam kalangan orang bumiputera Melayu, maka sekali gus pertembungan idea dalam kalangan pengundi-pengundi segmen Melayu akan menarik perhatian. Ini penting kerana seni politik orang Melayu bukan hanya terlibat dalam pentas politik tetapi turut merangkumi mengenai tahap pengetahuan politik, minat dan kecenderungan menyertai parti politik (Ahmad, 2009).

2.4 Keputusan PRK dan Perubahan Sikap Pengundi

Dalam skop kajian literatur juga menyelidik keputusan PRK dan apakah ia mencerminkan perubahan sikap pengundi. Apakah faktor seperti ketidakhadiran pengundi dapat memberi gambaran yang signifikan mengenai ketidakpuasan atau keengganan terhadap parti-parti tertentu. Bagaimana isu-isu semasa dan taktik politik mempengaruhi cara pengundi dalam memberikan respons kepada calon-calon yang bertanding. Malah, komposisi pengundi P40 Kemaman adalah majoriti bumiputera melayu. Kajian ini akan memperlihatkan sejauh mana keterikatan segmen pengundi melayu yang begitu dengan sentimen perkauman (Mohd Yusof & Azlan, 2002).


2.5 Isu Semasa dan Taktik Politik

Isu-isu semasa dan taktik politik yang digunakan oleh parti-parti politik juga merupakan fokus penting dalam kajian literatur ini. Melalui penelitian sebelumnya, kajian ini akan menilai keberkesanan taktik politik tertentu dan apakah isu-isu semasa memainkan peranan dalam menentukan keputusan pengundi. Perang dan strategi politik melalui media massa seperti *Tik Tok*, *Twitter (X)*, *Facebook* dan *Instagram* menjadi pendekatan yang digunakan oleh jentera parti yang bertanding. Pendekatan ini bukan sahaja fleksibel, tetapi mudah dan lebih cepat sampai kepada golongan sasaran (Salman et al., 2018). Menurut Abbe et al. (2003) menjelaskan peranan media sebenarnya adalah sangat signifikan bagi membantu calon pilihan raya bagi berkongsi aspirasi dan isu-isu yang dapat dijadikan agenda dalam kempen semasa pilihan raya berlangsung.

Kajian literatur ini bertujuan untuk menyediakan landasan yang kukuh bagi pemahaman mendalam tentang keputusan PRK di Kemaman. Dengan merangkumi faktor-faktor pengundi, perbandingan dengan pilihan raya sebelumnya, dan impak terhadap politik tempatan, kajian ini diharapkan dapat memberikan wawasan yang bernilai untuk analisis lanjut dan pembentukan strategi politik di masa depan.

3. Metodologi

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang holistik terhadap dinamika keputusan PRK di Kemaman. Kajian survei ini dilaksanakan lima hari daripada tarikh 15 November 2023 sehingga 19 November 2023. Terdapat 1,600 orang responden daripada 4 DUN dan 48 pusat daerah mengundi. Kajian ini juga dilakukan secara bersemuka dan melibatkan 30 orang enumerator dan 6 orang penyelia. Kombinasi data statistik rasmi daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan hasil analisis survei pendahuluan yang dilakukan oleh IDE Research akan membentuk kerangka kajian ini. Hasil analisis kajian ini adalah berdasarkan pendekatan deskriptif yang menggunakan nilai frekuensi dalam laporan kajian. Berikut adalah kaedah reka bentuk kajian yang dijalankan.



Rajah 1: Reka Bentuk Metodologi Kajian

3.1 Pengumpulan Data

a. Data Rasmi SPR:

Data keputusan PRK Kemaman termasuk peratusan undian, jumlah pengundi rasmi, dan perbandingan undian mengikut parti politik akan dikumpulkan daripada laman web SPR. Data rasmi ini merangkumi data Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Umum ke-15.

b. Analisis Survei IDE Research:

Data dari analisis survei pendahuluan oleh IDE Research digunakan untuk mengukur kecenderungan pengundi sebelum PRK Kemaman. Data ini melibatkan pendapat pengundi tentang isu-isu semasa, kepuasan terhadap kerajaan tempatan, dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pilihan mereka.

3.2 Analisis Perbandingan Analisis SPR PRU/PRN 15 dengan IDE Research

a . Analisis Ekonomi Tempatan:

Melalui kajian literatur, identifikasi dan analisis faktor ekonomi tempatan yang mungkin mempengaruhi keputusan pengundi seperti kadar pengangguran, pertumbuhan ekonomi, dan isu-isu pekerjaan.

b. Isu-isu Sosial:

Kajian literatur akan digunakan untuk mengenal pasti isu-isu sosial yang menjadi titik tumpuan pengundi dan cara isu-isu ini mempengaruhi pilihan mereka.

3.3 Perbandingan dengan PRU 15 dan PRN 15

a. Perbandingan Statistik:

Data statistik hasil pilihan raya sebelumnya, termasuk PRU 15 dan PRN 15, akan dianalisis secara perbandingan dengan keputusan PRK Kemaman untuk mengenal pasti corak perubahan sokongan pengundi.

b. Analisis Perubahan Isu Semasa dan Taktik Politik:

Menggunakan kajian literatur, akan dilakukan analisis perubahan isu-isu semasa dan taktik politik yang digunakan oleh parti-parti politik dalam tempoh tersebut.

3.4 Impak Terhadap Politik Tempatan

a. Analisis Perubahan Landskap Politik Tempatan:

Kajian literatur dan data hasil pilihan raya akan digunakan untuk menganalisis impak keputusan PRK terhadap landskap politik tempatan, termasuk perubahan dalam kekuatan politik dan persekitaran politik setempat.

Analisis kuantitatif dan kualitatif dari data yang dikumpulkan akan membantu dalam membentuk kesimpulan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pengundi, perbandingan dengan pilihan raya sebelumnya, serta impak terhadap politik tempatan. Interpretasi mendalam dan perbandingan data akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamika politik di Kemaman.

3.5 Hasil Kajian

Jadual 1: Analisis Keputusan PRK Kemaman 2023

Kategori	Jumlah	Peratus (%)
Pengundi Rasmi	141, 790	
Turun Mengundi	93, 239	65.76
Tidak Turun Mengundi	48, 551	34.24
Peratusan Undian Parti Politik		
PN/PAS	64, 998	45.84
BN/UMNO	27, 778	19.59
Tidak Turun mengundi	49, 014	34.57
Analisis SPR		
Majoriti	37, 220	-
Peratus Pengundian	-	65.76
Jumlah Kertas Undi Ditolak	428	-
Jumlah Kertas Undi Tidak Dikembalikan	35	-
Jumlah Undian oleh Pemilih	92, 776	-

Berdasarkan Jadual 1 adalah analisis hasil keputusan PRK Kemaman 2023 yang menunjukkan terdapat pengundi rasmi yang berdaftar dengan SPR adalah sebanyak 141, 790. Dalam masa yang sama, rekod rasmi SPR mencatatkan terdapat 93, 239 (65.76%) pemilih telah turun untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Namun, terdapat 48, 551 (34.24%) pemilih berdaftar tidak turun untuk mengundi dalam PRK Kemaman kali ini. Manakala, bagi peratusan pecahan undian berdasarkan parti politik mendapati PN/PAS mendapati sokongan undi sebanyak 64, 998 ribu bersamaan 45.84% berbanding BN/UMNO iaitu 27, 778 ribu bersamaan dengan 19.59%. Dalam analisis yang dilakukan oleh pihak SPR mendapati terdapat 428 bagi jumlah kertas undi yang ditolak dan sebanyak 35 kertas undi yang tidak dikembalikan sepanjang proses pembuangan undi bagi PRK Kemaman 2023.

Jadual 2: Analisis Perbandingan Peratusan Pengundian

Kategori	PAS/PN	BN/UMNO
PRK 2023 Kemaman	45.84%	19.59%
PRN 15 (DUN)	48.0% meningkat 2.16%	27% menurun 7.41%
PRU 15	47.0% meningkat 1.16%	28% menurun 8.41%

Jadual 2 menunjukkan analisis bagi perbandingan peratusan pengundian yang terdapat dalam PRN DUN 15, PRU 15 dan PRK 2023 Kemaman. Bagi PRN 15, parti PAS/PN mendapat

sokongan sebanyak 45% dan meningkat sebanyak 2.16% jika diambil kira sokongan yang diterima pada PRN 15 (DUN) yang berlangsung pada tahun 2022. Meskipun pada dasarnya nilai 45% tersebut lebih kecil berbanding 48% namun perlu mengambil kira peratusan jumlah undi yang diterima dengan jumlah peratusan keluar mengundi pada PRK 2023. Jika dilihat dari jadual 2, sokongan terhadap PAS/PN juga meningkat sebanyak 1.16% jika dibandingkan dengan PRU 15 pada PRK Kemaman 2023. Manakala bagi parti BN/UMNO terdapat penurunan sokongan pada PRK Kemaman 2023 jika dibandingkan dengan PRN 15 (DUN) yang menurun sebanyak 7.41% daripada 27% yang diterima dan PRU 15 pula menurun 8.41% daripada 28%. Trend penurunan sokongan daripada pengundi memberikan isyarat kepada BN/UMNO bahawa sokongan kepada parti berkenaan semakin terhakis dan sukar untuk memecahkan tembok kukuh yang dimiliki oleh PAS/PN.


Jadual 3: Peratusan Tidak Turun Mengundi

Kategori	Peratus (%)
PRK 2023	34.57 berbeza 16% dengan PRK 15
PRK 15 (Parlimen)	25%
PRN 15 (DUN)	19%

Berdasarkan Jadual 3 pula merujuk kepada analisis peratusan tidak turun mengundi yang menjadi antara faktor kepada peratusan sokongan yang diterima oleh parti-parti yang bertanding dalam PRK 2023 khususnya dbagi Parlimen Kemaman. Bagi PRN 15 (DUN) terdapat sebanyak 19% daripada jumlah pemilih berdaftar yang tidak turun mengundi. Manakala, dalam PRK 15 menunjukkan sebanyak 25% pemilih tidak turun untuk mengundi. Namun, angka ini meningkat kepada 34.57% pada PRK Kemaman 2023 yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan PRK 15 yang mendapati perbezaan ini meningkat sebanyak 16%.

Jadual 4: Analisis Perbandingan Jumlah Undian Pemilih SPR dan IDE

Parti	SPR 2023		IDE	
	Jumlah	Peratus (%)	Parti	Peratus (%)
PAS	64, 998	70.05	PN/PAS	70.3
BN	27, 778	29.95	BN/UMNO	17.6
Jumlah Pemilih	92, 776	100	Atas Pagar	12.1



Rajah 2: Trend Analisis Kajian IDE
Sumber: Kajian lapangan IDE, 2023


Nota:

1. Berdasarkan keputusan dikeluarkan SPR. Namun ia tertakhluk kepada warta rasmi keputusan Pilihan Raya.
2. Peratusan kiraan undi turut mengambil kira yang tidak turun mengundi sebagai satu manifestasi keputusan pengundi.

Berdasarkan Jadual 4 dan Rajah 2 menunjukkan analisis awal kajian yang digunakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE) untuk melakukan tinjauan bagi mengenal pasti trend sokongan pemilih di PRK Kemaman 2023. Hasil analisis kajian awal yang dilakukan oleh IDE mendapati bahawa Barisan Nasional dengan kerjasama Pakatan Harapan secara literal mampu memperolehi 17.6% sokongan dalam PRK Kemaman 2023 berdasarkan survei yang dilaksanakan. Manakala, PAS/PN mampu memperolehi 70.3% sokongan dalam kalangan pemilih berdaftar dan IDE juga turut melaporkan bahawa sebanyak 12.1% responden adalah di atas pagar.


Menariknya, hasil dapatan kajian awal yang dilaksanakan oleh IDE ini berdasarkan maklum balas responden sebanyak 1,600 orang melaporkan bahawa PAS/PN akan memenangi kerusi Parlimen Kemaman dengan sokongan 70% peratus. Natijahnya, keputusan SPR pasca proses pengundian mendapati PAS/PN mendapat 70.1% sokongan daripada pemilih berdaftar, dan nilai ini sangat hampir menyerupai hasil dapatan kajian IDE yang turut melaporkan PAS/PN akan menerima sokongan 70.3%, perbezaan hasil kajian IDE dan keputusan rasmi SPR hanya 0.02%.

4. Perbincangan Kajian



Rajah 3: Trend Sokongan P40 Kemaman 2012-2023

Berdasarkan Rajah 3 menunjukkan analisis bagi trend sokongan pengundi P40 Kemaman dari tahun 2012 hingga 2023. Menyelusuri trend yang terdapat dalam rajah 3 jelas menunjukkan sokongan kepada parti Barisan Nasional (BN) mengalami penurunan yang drastik dari aspek sokongan dalam kalangan pengundi. Malah trend ini mula berlaku pada PRU 13 sehingga PRK 2023. Manakala, bagi PAS yang pernah bersama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada PRU 12 menunjukkan trend yang meningkat meskipun pada PRU 12 tersebut calon adalah daripada PKR. Namun, daripada PRU 13 sehingga PRN 16 (DUN) menunjukkan pola sokongan mula meningkat sehingga jauh meninggalkan sokongan yang diperoleh oleh BN. Dengan koalisi PAS dalam Perikatan Nasional (PN) terus mencengkam sokongan dalam kalangan pengundi walaupun terdapat defisit 2% sokongan berbanding PRN 16 (DUN) yang diterima dalam PRK 2023, namun PAS melalui PN tetap menang mudah dengan majoriti yang signifikan.



Rajah 4: Analisis Keputusan Rasmi SPR PRU 12-PRK 2023

Rajah 4 merupakan analisis keputusan rasmi yang dikeluarkan oleh SPR daripada PRU 12 sehingga PRK 2023 bagi kerusi parlimen P40. Analisis bagi keputusan PRU 12 (2008) menunjukkan BN memperolehi kemenangan dengan majoriti 12, 683. Pada PRU 13, BN masih mengekalkan kemenangan dengan memperolehi majoriti 12, 306 berbanding dengan parti lawan yang memperolehi 33, 219 dan calon BN mendapat 45, 525 undian. Namun, pada PRU 14 berlaku gelombang perubahan apabila calon *heavyweight* yang menjadi calon *favorit* untuk memenangi kerusi parlimen tewas dengan majoriti 2, 163 undi daripada calon PAS.

Tambahan lagi, pada PRU 15 menunjukkan cengkaman pengaruh PAS terus mendominasi kerusi P40 Kemaman yang majoritinya adalah melayu dengan memperoleh kemenangan 27, 179 majoriti. Manifestasi kemenangan ini menunjukkan keupayaan PAS dalam mengembleng usaha untuk mempertahankan kerusi P40 sebagai kubu kuat PAS di Terengganu. Pada 27 September 2023, Mahkamah Pilihan Raya telah membuat keputusan untuk membatalkan kemenangan calon PN daripada PAS pada PRU 15 (Sinar Harian, 2023).

Kajian ini memberikan pemahaman mendalam tentang keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Kemaman dengan merangkumi faktor-faktor pengundi, perbandingan dengan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15) dan Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN 15), serta impak terhadap politik tempatan.

4.1 Faktor-Faktor Pengundi

Ekonomi dan Isu Sosial: Hasil kajian menunjukkan bahawa keadaan ekonomi tempatan dan isu-isu sosial memainkan peranan besar dalam menentukan pilihan pengundi. Fokus pada isu-isu ini adalah penting bagi parti politik dalam merangka strategi untuk mendapatkan sokongan.

4.2 Perbandingan dengan PRU 15 dan PRN 15

Peratusan Undian: Terdapat peningkatan signifikan dalam sokongan kepada parti-parti PN/PAS, mencapai 45.84%, sementara BN/UMNO mengalami penurunan dengan hanya

19.59%. Perbandingan dengan PRU 15 dan PRN 15 menunjukkan bahawa PN/PAS mengalami kenaikan sokongan, sementara BN/UMNO mengalami penurunan yang ketara.

Ketidakhadiran Pengundi: Ketidakhadiran pengundi pada 34.57% menunjukkan peningkatan sebanyak 16% berbanding PRU 15. Ini mengindikasikan perubahan sikap pengundi yang perlu diberi perhatian oleh parti politik, dan mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti ketidakpuasan atau keengganan terhadap parti-parti tertentu.

4.3 Impak Terhadap Politik Tempatan

Landskap Politik Tempatan: Peningkatan sokongan kepada PN/PAS dan penurunan sokongan kepada BN/UMNO telah mengubah landskap politik tempatan. Hal ini dapat memberi impak besar terhadap kekuatan politik di peringkat tempatan dan perlu diperhatikan oleh pemimpin politik setempat.

Isu Semasa dan Taktik Politik: Analisis perubahan isu semasa dan taktik politik yang digunakan menunjukkan keberkesanan PN/PAS dalam menarik sokongan. Parti politik lain perlu menilai semula strategi mereka untuk menyesuaikan dengan dinamika politik yang berubah. Kegagalan media arus perdana dalam memainkan peranan bagi menyampaikan maklumat menyebabkan rakyat mula beralih arah kepada medium komunikasi baharu yang lebih kompleks dengan menggunakan internet dan media sosial (Awang Besar et al., 2012).

4.4 Perbandingan Jumlah Undian Pilih

Perbandingan Jumlah Undian: Jumlah pemilih hadir sebanyak 92,776 menunjukkan bahawa PAS mendapat sokongan yang kukuh, mencapai 70.05%. Perbandingan dengan survei pendahuluan IDE menunjukkan keserasian yang hampir bersamaan dengan perolehan undi sebenar.

Pemahaman Sikap Pengundi: Survei IDE menunjukkan PN/PAS mendominasi dengan 70.3%, sedangkan BN/UMNO hanya mencapai 17.6%. Pemahaman mendalam tentang sikap pengundi ini dapat membantu parti politik merancang strategi lebih efektif untuk mendapatkan sokongan.

Hasil perbincangan dan analisis data menunjukkan perubahan signifikan dalam keputusan PRK Kemaman, dengan peningkatan sokongan kepada PN/PAS dan penurunan sokongan kepada BN/UMNO. Faktor-faktor ekonomi, isu sosial, dan taktik politik memainkan peranan penting, sementara ketidakhadiran pengundi dan perubahan sikap pengundi perlu diambil kira oleh parti politik dalam pembentukan strategi masa depan. Keputusan PRK ini memberikan petunjuk yang penting untuk memahami dinamika politik tempatan dan memberi arah kepada pemimpin politik dalam menyesuaikan dengan perubahan kehendak pengundi.

5. Kesimpulan

Kajian ini menyoroti dinamika keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Kemaman dengan memberi tumpuan kepada faktor-faktor pengundi, perbandingan dengan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15) dan Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN 15), serta impak terhadap politik tempatan. Melalui kombinasi data rasmi dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan analisis survei pendahuluan oleh IDE Research, kajian ini menghasilkan wawasan yang penting terhadap perubahan dalam landskap politik. Analisis faktor-faktor pengundi menunjukkan bahawa keadaan ekonomi tempatan dan isu-isu sosial memainkan peranan penting dalam menentukan pilihan pengundi.

Kajian literatur dan analisis survei pendahuluan memberikan pemahaman yang mendalam tentang kecenderungan dan keutamaan pengundi sebelum PRK Kemaman. Perbandingan statistik dengan PRU 15 dan PRN 15 menggambarkan perubahan yang signifikan dalam sokongan pengundi. Peningkatan sokongan kepada parti-parti PN/PAS dan penurunan sokongan terhadap BN/UMNO memberikan gambaran pergeseran politik yang penting.

Analisis perubahan isu semasa dan taktik politik juga memberikan wawasan tentang dinamika perubahan ini. Analisis impak terhadap politik tempatan menunjukkan perubahan dalam landskap politik, dengan peningkatan sokongan kepada PN/PAS yang mungkin dipengaruhi oleh isu-isu semasa dan taktik politik yang digunakan.

Kajian ini menyimpulkan bahawa keputusan PRK Kemaman mencerminkan dinamika yang kompleks dalam politik tempatan. Pemahaman tentang faktor-faktor pengundi, perbandingan dengan pilihan raya sebelumnya, dan impak terhadap politik tempatan dapat menjadi landasan penting bagi parti politik dalam merangka strategi masa depan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang perubahan sikap pengundi, keputusan PRK ini memberikan peluang untuk penyesuaian dan merekayasa politik tempatan yang lebih efektif.

Rujukan

- Abbe, O.G., Goodliffe, J., Herrnson, P.S., & Peterson, K.D. (2003). Agenda setting in congressional elections: The impact of issues and campaigns on voting behavior. *Political Research Quarterly*, 56(4), 419-430.
- Ahmad Atory Hussain (2009) *Politik Melayu di Persimpangan*. Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M.F., Ibrahim, Y., Sidek, A.H., Amir, J., Fauzi, R., & Lyndon, N. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca pilihanraya umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9(1), 191-214.
- Ball, T. (1998). *Transforming Political Discourse. Political Theory and Critical Conceptual History*. Blackwell, Oxford. ISBN 9780631158219.
- Campbell, A., Converse, P. E., Miller, W. E., Stokes, D. E. (1960). *The American Voter*. John Wiley and Sons, Inc., New York.
- Fiorina, M. (1981). *Retrospective voting in American national elections*. Yale University Press, New Heaven.
- Ibrahim, M. A., & Daud, S. (2022). Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pengundi dalam PRU 2008: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 20, 55–80. <https://doi.org/10.51200/ejk.v20i.132>.
- Kubiszewski, I., Noordewier, T., & Costanza, R. (2011). Perceived credibility of Internet encyclopedias. *Computers & Education*, 56(3), 659-667.
- Mahadi, A., Jali, M. F. M., & Besar, J. A. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia*, 12(9).
- Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad (2002) *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Salman, A., Yusoff, M.A., Mohamad Salleh, M.A., & Hj Abdullah, M.Y. (2018). Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia [The use of social media for political support in Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 51-63. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp51-63>.

- Sinar Harian. (2023). *Kemenangan Che Alias di Parlimen Kemaman Terbatal*. <https://www.sinarharian.com.my/article/281005/berita/semasa/kemenangan-che-alias-di-parlimen-kemaman-terbatal>.
- Tajari, A., Muslim, N., James Pasaribu, K., & Mohd Anuar, M. (2022). Dinamika Perubahan Budaya dan Pembangunan Politik di Malaysia: Satu Analisis Kritikal. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(2), 1-15. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/18334>